

**Lim Guan Eng Angkat Sumpah Sebagai Ketua Menteri  
Bernama  
7 Mei, 2013**

GEORGE TOWN, 7 Mei (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng pada Selasa mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang di Seri Mutiara di sini.

Lim, 53, melafazkan sumpah memegang jawatan itu di hadapan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas pada pukul 11.30 pagi.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Yang Dipertua Negeri Toh Puan Majimor Shariff, bapa Lim yang juga Penasihat DAP Lim Kit Siang, isteri Lim, Betty Chew Gek Cheng serta barisan kepimpinan Pakatan Rakyat.

Pada pilihan raya umum ke-13 Ahad lepas, Pakatan Rakyat memenangi 30 daripada 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

DAP berjaya mengekalkan kesemua 19 kerusi DUN yang dimenangnya pada pilihan raya umum 2008 manakala PKR memenangi 10 kerusi dengan pertambahan satu kerusi iaitu DUN Seberang Jaya dan PAS kekal dengan kerusi tunggalnya di DUN Permatang Pasir. Umno pula menang 10 kerusi DUN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948053>